

Headline	Anugerah bakar semangat Abdul Rais		
MediaTitle	Metro Ahad	Language	Malay
Date	23 Jun 2013	Readership	1,964,000
Circulation	314,321	Color	Full Color
Section	Setempat	ArticleSize	167 cm ²
Page No	10	PR Value	RM 18,503
AdValue	RM 6,168		



‘Anugerah bakar semangat Abdul Rais’

Kuala Lumpur: “Alhamdulillah, ini bukti kerajaan mengiktiraf sumbangan golongan seperti saya,” kata penerima Anugerah Tokoh Pekerja Negara kategori Orang Kelainan Upaya (OKU) Abdul Rais Mohammad Mokhtar, 50, pada Majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2013, semalam.

Pegawai Penyelidik Sosial di Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok, Kedah, itu tidak menyangka akan merangkul anugerah itu yang disampaikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Beliau yang kehilangan tangan kanan akibat kemalangan jalan raya ketika berusia 20 tahun berkata, pengiktirafan itu membuktikan peranan pekerja OKU juga sama penting dengan tenaga kerja lain.

“Saya terharu apabila menerima anugerah ini daripada Perdana Menteri. Ia membuatkan saya lebih



WARGA OKU hadir pada majlis Hari Pekerja di Stadium Putra.

bersemangat untuk berjaya pada masa hadapan,” katanya ketika ditemui di Stadium Putra Bukit Jalil di sini, semalam.

Abdul Rais yang juga bapa kepada dua anak turut berterima kasih kepada pentadbiran UUM yang memberikan peluang dalam bidang akademik dan memberinya galakan untuk aktif dalam sukan boling padang.

“Sebelum ini, saya pernah merangkul pingat emas

dalam acara sama ketika menyertai Sukan Orang Kurang Upaya (OKU) Timur Jauh dan Pasifik Selatan (Fespic) pada 2006.

“Saya juga harap golongan OKU lain dapat menjadikan saya sebagai contoh bahawa kerja keras dalam apa juga lapangan akan membawa kepada kejayaan,” katanya.

Beliau menerima cek bernilai RM5,000 dan sijil penghargaan,” katanya.